

BAB 6

PERALATAN DAN TEKNIK MEMBURU

6.0 Pendahuluan

Pengalaman berkaitan selok belok memburu merupakan suatu yang sangat penting bagi orang Arab Jahiliyah dimana kesesuaian teknik memburu diperlukan mengikut situasi. Lantaran itu wujud pelbagai gaya dan teknik memburu hasil kepelbagaian situasi dan sasaran buruan.

Buku-buku cerita banyak menyebut peralatan dan teknik-teknik memburu. Perbincangan kita hanya tertumpu kepada dua aspek ini sahaja dan ia juga terdapat dalam buku-buku *mathal*. Tumpuan ini diberi kepada beberapa peralatan dan teknik memburu tertentu yang dikira penting dalam kajian ini.

6.1 Alat Memburu

Dalam menjalankan aktiviti perburuan berbagai-bagai senjata telah digunakan oleh para pemburu untuk menumpaskan binatang buruan, justeru, alat-alat tersebut juga turut mempengaruhi pembentukan *mathal*. Di bawah ini penulis memaparkan beberapa *mathal* yang turut menggambarkan keadaan-keadaan yang berkaitan dengan senjata-senjata yang digunakan.

6.1.1 Panah

Aktiviti perburuan yang menggunakan panah biasanya terdiri daripada komponen-komponen yang berikut:

al-Qaws (Busur) : Apabila berbicara tentang anak panah, terlebih dahulu perlu dibicarakan busurnya kerana ia merupakan alat untuk melontar anak panah. Kata mufradnya ialah القوس, manakala kata jamaknya *aqwa:s*, ia dibuat daripada pokok *al-nabagh* dan seumpamanya yang terdiri daripada daripada pokok-pokok yang keras. Ia merupakan peralatan memburu yang paling lama zaman silam.¹

Busur terbentuk daripada enam bahagian kepala dan empat bahagian di dua sudut. Bahagian-bahagian kepala terdiri daripada: Tali tegang, dua bahagian, iaitu atas (tangan busur) dan bawah (kaki busur), dua lengan busur atas dan bawah dan pemegang.²

Bahagian yang terdiri daripada dua sudut ialah tempat pengikat tali iaitu, di bahagian atas dan bawah, dan dua bahagian yang memanjang dari permulaan pengikat tali (atas dan bawah) hingga ke penghujung tangan dan kaki busur.³

¹ Abu: 'Aliyy, hlm.223.

² Ibid, hlm.223.

³ Ibid, hlm.223.

Anak panah pula ialah benda yang dilontar ke sasaran. Anak panah yang belum siap dinamakan *al-qidh*, setelah diletak mata panah *al-nasl*, lengkaplah anak panah tersebut.

Anak panah yang lengkap dilengkapi dengan perkara-perkara yang berikut: ¹

- a) *al-qidh*: ialah kayu keras yang nipis (kayu panah).
- b) *al-nasl*: iaitu besi waja yang dimasukkan di hujung kayu (mata panah).
- c). *al-sinkh*: iaitu lubang di bahagian bawah mata panah supaya ia kemas bersama kayu panah.
- d) *al-ru'z*: iaitu sebahagian daripada *al-sinkh* yang dimasukkan kedalam kayu panah.
- e) *al-fu:q*: iaitu lubang yang dibuat dibahagian bawah anak panah untuk mengemaskan tali.
- f) *al-ri:sh*: iaitu bulu burung, diletak pada kedua-dua belah anak panah.

Buku-buku yang menghimpun *mathal* dan kisah banyak memberi petunjuk makna yang berkaitan dengan anak panah dan penggunaannya ketika memburu. Antara *mathal* tersebut ialah:

مَالَهُ لَا عُدَّ مِنْ نَقَرِهِ²

¹Ibn Manzu:r, Perkara: ريش فوق رعم فوق زعم ريش.

²al-Mayda:niyy, jld.3, hlm.272.

Maksudnya: Tiada setandingnya dari kalangannya.

Mathal ini menerangkan kehebatan anak panah berbanding alatan lain, keperihatinan manusia menggunakannya, memenuhi kehendak mereka dan memberi pengiktirafan dan perlu dijadikan sebagai contoh ikutan.

Dua *mathal* berikut dipengaruhi oleh penggunaan alat tersebut dalam dua tujuan iaitu pemburuan dan peperangan:

الْحُمَّى أَضْرَعَتْنِي لَكَ¹

Maksudnya: “Demam telah menyebabkan aku tunduk kepadamu”.

Mengikut al-Mufaddal bahawa orang yang pertama yang mengungkapkan *mathal* ini ialah seorang lelaki daripada Bani Kalb yang bernama Mari:r. Beliau mempunyai dua orang abang yang bernama Mara:raṭ dan Murraṭ. Mari:r adalah penyamun yang aktif dan diberi gelaran serigala. Pada suatu hari Mara:raṭ keluar untuk memburu di sebuah bukit lalu ditangkap oleh jin. Berita kehilangannya ini sampai kepada keluarganya. Maka adiknya Murraṭ keluar menjejalkinya. Setibanya di tempat abangnya ditangkap beliau turut sama ditangkap oleh jin itu. Ketika peristiwa itu berlaku Mari:r tiada di rumah. Setibanya di rumah beliau diberitahu oleh keluarganya tentang kedua-dua abangnya. Sebaik saja menerima berita tersebut beliau terus bersumpah tidak akan minum arak dan tidak akan

¹al-Mayda:niyy, jld.1, hlm.364.

mandi sehingga kedua-dua abangnya yang hilang itu ditemui semula. Lalu beliau menggalas panahnya dan terus menuju ke tempat peristiwa itu berlaku.¹

Beliau berada di situ selama tujuh hari tetapi tidak menemui apa-apa pun. Pada hari yang kelapan beliau ternampak seekor *zali:m* iaitu burung unta jantan lalu memanahnya. Panahannya itu menepati sasaran, maka binatang buruan itu tercampak jatuh ke lereng bukit.²

Sebaik saja matahari terbenam beliau telah ternampak seseorang berdiri di atas sebuah batu yang besar, dengan berkata: “Siapakah yang berani membunuh burung itu?” Mendengar kata-kata itu Mari:r terus memberi ancaman untuk menuntut bela dan membalas dendam atas kematian kedua-dua abangnya itu. Lalu jin itu terus menghilangkan diri dalam kegelapan malam.³

Selepas itu Mari:r diserang demam yang teruk yang membuatnya tertidur. Ketika itu jin itu muncul sekali lagi dan bertanya. “Apakah yang menyebabkan kamu mengalah?” . Jawapan Mari:r adalah dengan mengungkapkan *mathal* di atas.⁴

¹al-Mayda:niyy, jld.1, hlm.364 &365.

²Ibid, jld.1, hlm.365.

³Ibid, jld.1, hlm.365.

⁴Ibid, jld.1, hlm.364 &365.

Cerita *mathal* ini menunjukkan bahawa panah digunakan untuk menumpaskan binatang buruan, dan menunjukkan bahawa senjata itu telah mengena sasarannya dengan tepat yang membawa kepada tewasnya binatang buruan tersebut.

Satu *mathal* lain berbunyi:

رُبَّ رَمِيَّةٍ مِنْ غَيْرِ رَامٍ¹

Maksudnya: “Kadang kala panahan (tepat sasaran) itu datangnya daripada bukan pemanah (yang mahir)”

Penerangan mengenai *mathal* ini telah diceritakan sebelum ini. (Sila lihat halaman 358-359).

Dalam kedua-dua *mathal* di atas menunjukkan kesamaan fungsi anak panah sebagai senjata perburuan atau senjata perang. Hal ini membawa maksud wujud kesamaan antara pemburu dengan pahlawan dalam memori Arab Jahiliyyah.

Selain dari itu terdapat banyak *mathal* yang menyebut ciri-ciri anak panah dan jenis-jenisnya. Di sini penulis menyebut beberapa *mathal* sahaja. *Mathal* seperti:

مَا أَصَبْتُ مِنْهُ أَقْدَّ وَلَا مَرِيئاً²

¹al-Mayda:niyy , jld.2, hlm.44.

²Ibid, jld.3, hlm. 276.

Maksudnya: “Aku tidak menepati sasaran (daripada panahanku) sama ada daripada penggunaan anak panah gondol atau daripada panah berbulu”.

Penggunaannya adalah untuk menyatakan bahawa seseorang itu tidak mendapat apa-apa pun kebaikan sama ada melalui cara yang betul ataupun sebaliknya.

al-Aqadzdz ialah anak panah yang belum dilengkapi dengan bulu burung dan *al-mari:sh* ialah yang sudah dilengkapi dengan bulu burung.

Aktiviti memamah juga didapati dari *mathal*:

مِنَ الْخَوَاطِي سَهْمٌ صَائِبٌ¹

Maksudnya: Daripada banyak panah yang tersasar ada yang menepati sasaran.

Dari segi penggunaannya, mengikut pendapat Abu ‘Ubayd; *mathal* ini menerangkan orang bakhil yang tidak pernah memberi kadang kala ada juga masanya dia bermurah untuk memberi.²

Dan bait puisi ini pula memberi gambaran tentang anak panah yang terbaik :

رَمْتَنِي يَوْمَ ذَاتِ الْعَمْرِ سَلْمَى بِسَهْمٍ مُطْعِمٍ لِلصَّيْدِ لِأَم

¹al-Mayda:niyy, jld.3, hlm. 273.

²Ibid, jld.3, hlm. 273.

Maksudnya: Pada hari “ذات الغمر” Salma telah memanahku dengan anak panah المطعم للصيد لام, iaitu anak panah yang lengkap dengan bulu burungnya dan membawa rezeki.¹

Walaupun panahan yang dibuat oleh Salma itu merupakan perbuatan *maja:ziyy* atau kiasan kepada godaannya terhadap pengungkap bait ini, penggunaan سهم المطعم لام menunjukkan bahawa penggunaan panah jenis itu merupakan sesuatu yang biasa. Selain dari ini penggunaan panah jenis ini juga sangat berkesan dan memberikan hasil yang lumayan dalam aktiviti pemburuan.

Manakala *mathal* di bawah ini menunjukkan kepada anak panah terakhir yang terdapat dalam kantung panah. Anak panah ini mempunyai namanya yang tersendiri:

مَا فِي كِنَانَتِهِ أَهْزَعُ²

Maksudnya: “Apa yang terdapat di dalam bekas anak panahnya itu adalah أهزع iaitu anak panah yang terakhir”

¹ Abu: ‘Aliyy, hlm.226.

² al-Mayda:niyy, jld.3, hlm. 285.

al-Ahza' ialah anak panah terakhir yang ada dalam bekasnya setelah anak panah lain telah habis digunakan sama ada dalam pemburuan ataupun di dalam peperangan.

Dari segi penggunaannya, *mathal* ini digunakan untuk menyatakan atau menggambarkan suatu keadaan yang kritikal dan tiada pilihan lain. Kejayaan dan kegagalan hanya bergantung kepada satu perkara sahaja. Jika nasib menyebelahnya kejayaan diperoleh jika sebaliknya kemusnahan dan kegagalanlah yang diundang.

Mathal di bawah menerangkan pergerakan anak panah pada pelbagai haluan, sehinggalah ia mengeluarkan bunyi. Dalam *mathal*:

¹مَالُهُ حَبْضٌ وَلَا نَبْضٌ / مَا بِهِ حَبْضٌ وَلَا نَبْضٌ

al-habdu menunjukkan suara ataupun bunyi yang keluar dari pergerakan anak panah ketika meluncur laju selepas berlakunya panahan. Manakala perkataan *نبض* ialah bunyi yang perlahan. Pada masa sekarang digunakan untuk bunyi denyutan jantung.

Hal ini untuk menggambarkan tentang ketiadaan sebarang tindakan yang dibuat, iaitu tindakan yang berkaitan dengan memanah.

¹ *al-Mayda:niyy*, jld.3, hlm. 255.

Dari segi penggunaannya pula, ia digunakan untuk menggambarkan bahawa tidak terdapat sebarang tanda yang menunjukkan bahawa sesuatu pekerjaan atau sesuatu aktiviti itu sedang dijalankan.

Manakala *mathal*:

نَاقِرَةٌ لَّا خَيْرَ فِي سَهْمِ زَجٍّ¹

Maksudnya: Panah yang dibidik (mengenai sasaran itulah panah yang baik)

Manakala panah yang terlepas (tidak mengenai sasaran) itu tidak mengandungi sebarang kebaikan.

Penggunaan *mathal* ini adalah untuk menggambarkan bahawa sesuatu pekerjaan itu dianggap baik apabila ia memberikan natijah yang baik juga. Manakala usaha, kerja ataupun penat lelah yang dikorbankan tanpa membawa kepada pulangan dan natijah yang baik merupakan kerja yang sia-sia dan tidak mengandungi sebarang kebaikan. *Mathal* di atas jika dikaitkan dengan idea dan pendapat, *naqirat* merujuk kepada pendapat yang bernas manakala *zalaj* merujuk kepada idea dan pendapat hambar yang tidak memberikan sebarang faedah.

Mathal-mathal di atas memberi gambaran tentang aktiviti memanah, latihan praktis dan bertarung untuk membina kecekapan memanah. Dan ia turut

¹ al-Mayda:niyy, jld.3, hlm.380.

menggambarkan bahawa aktiviti memanah merupakan aktiviti yang penting dalam kehidupan masyarakat Arab.

Mathal yang berikut mengenai anak panah yang rosak:

رَجَعَ بِأَفْوَقَ نَاصِلٍ¹

Maksudnya: Dia telah kembali dengan anak panah yang patah.

Mereka yang kembali dari berburu kadang kala kembali dengan tangan kosong tanpa sebarang hasil tangkapan. Keadaan menjadi lebih teruk lagi apabila peralatan yang dibawa turut musnah dan rosak.

Penggunaannya: Gambaran bagi mereka yang kembali dari perjuangan dalam keadaan gagal menepati sasaran.

Di samping itu terdapat *mathal* lain yang menuntut supaya dilakukan persediaan yang cukup apabila seseorang itu berhasrat untuk pergi memburu atau melibatkan diri dalam peperangan. *Mathal* ini berbunyi:

قَبْلَ الرَّمَاءِ تُمَلُّ الْكِنَائِرُ²

¹ al-Mayda:niyy, jld.2, hlm. 39.

² al-`Askariyy, jld.2, hlm.122. Lihat juga: al-Mayda:niyy, jld.2, hlm.490.

Maksudnya: Sebelum memanah kantung-kantung (tempat isi anak panah) hendaklah dipenuhi.

Sebelum seseorang pemburu itu keluar pergi memburu hendaklah dia memastikan terlebih dahulu bahawa anak panahnya mencukupi untuk tujuan tersebut. Sekiranya dia tidak berbuat demikian dia dijangka akan menghadapi masalah diseparuh jalan, seterusnya mengundang kegagalan.

Penggunaannya: Untuk menyatakan perlunya persediaan yang secukupnya sebelum melakukan sesuatu pekerjaan atau urusan.

Mathal di bawah ini juga membawa maksud yang sama dengan *mathal* di atas:

قَبْلَ الرَّمِيِ يُرَاشُ السَّهْمُ¹

Maksudnya: Sebelum memanah, anak panah hendaklah terlebih dahulu dilengkapi dengan bulunya. Bulu burung merupakan salah satu bahagian yang penting pada anak panah.

Setiap alat atau komponennya hendaklah menepati piawai, dengan demikian kejayaan akan lebih terjamin.

¹ al-Mayda:niyy, jld.2, hlm.491.

Penggunaannya: Sama dengan *mathal* yang sebelumnya.

Manakala *mathal* di bawah ini pula menggambarkan kebanggaan seseorang pemburu atau pejuang apabila memiliki anak panah yang baik yang boleh menepati sasaran:

هُوَ أَوْثَقُ سَهْمٍ فِي كِنَانَتِي¹

Maksudnya: Dia adalah anak panah yang paling aku percayai (dalam kalangan yang banyak) dalam kantungku.

Penggunaannya: Untuk menyatakan seseorang yang dipercayai dan boleh diharap.

Mathal-mathal di atas menunjukkan pentingnya senjata ini dalam kalangan orang Arab Jahiliyah sama ada mereka itu terdiri daripada kalangan pemburu, pejuang atau lain-lain.

Penekanan terhadap penggunaan senjata jenis ini berterusan sehinggalah kepada zaman kedatangan Islam. Panah merupakan senjata terpenting yang digunakan oleh Rasulullah SAW dan para sahabatnya dalam menyebarkan serta mempertahankan agama Islam.

¹ al-Mayda:niyy, jld.3, hlm.492.

Sehubungan dengan ini Rasulullah SAW menganjurkan supaya setiap ibu-bapa dapat mengajar anak-anak mereka kemahiran memanah. Hal ini seperti yang terbatap di dalam Hadis berikut:

عَنْ أَبِي رَافِعٍ : قُلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ أَلِلْوَالِدِ عَلَيْنَا حَقٌّ كَحَقِّنَا عَلَيْهِمْ ، قَالَ : نَعَمْ ، حَقُّ الْوَالِدِ عَلَى الْوَالِدِ أَنْ يُعَلِّمَهُ الْكِتَابَةَ وَ السَّبَّاحَةَ وَ الرَّمِي ، وَ أَنْ يُورِثَهُ طَيِّبًا¹

Maksudnya: Diriwayatkan oleh Abu: Ra:fi': Saya bertanya kepada Rasulullah SAW, wahai Rasulullah, adakah anak-anak mempunyai hak ke atas kita sepertimana kita mempunyai hak ke atas mereka. Baginda menjawab: Ya! Mereka mempunyai hak ke atas kita. Bapa mempunyai kewajipan mengajar anak mereka menulis, berenang, memanah dan mewariskan kepada mereka sesuatu yang baik.

Hadis ini menunjukkan bahawa kemahiran memanah itu sama pentingnya dengan kemahiran menulis dan membaca. Menulis dan membaca merupakan jalan ke arah mendapatkan ilmu pengetahuan. Manakala memanah merupakan jalan ke arah memelihara keselamatan, kedamaian dan ketenteraman, juga merupakan jalan untuk mendapatkan rezeki yang baik.

¹<http://www.islamweb.net/ver2/archive/hadithsearch.php?lang=A&BkNo=000&Word=حَقُّ الْوَالِدِ عَلَى الْوَالِدِ أَنْ يُعَلِّمَهُ الْكِتَابَةَ وَ السَّبَّاحَةَ وَ الرَّمِي ، وَ أَنْ يُورِثَهُ طَيِّبًا> (September 2007)

حديث رقم: 20300 سنن البيهقي الكبرى ، كتاب السبق و الرمي ، باب التحريض على الرمي

6.1.2 Kapak

Kapak telah memasuki *mathal* melalui cerita dongeng dengan watak ular. Kapak kononnya senjata yang digunakan untuk membunuh ular besar seperti dalam *mathal*:

كَيْفَ أَعَاوَدُكَ وَهَذَا أَتْرُ فَأَسِيكَ¹

Maksudnya: “Bagaimana aku hendak mempercayai kamu lagi, sedangkan ini kesan tetakan kapak kamu”

Kononnya seorang pemburu membuat perjanjian damai dengan seekor ular besar. Pemburu itu kemudiannya mencabul perjanjian tersebut dengan mengapak kepala ular tersebut. Selepas itu pemburu tersebut ingin kembali semula kepada perjanjian damai seperti sebelumnya. Keinginan pemburu tersebut telah ditolak oleh sang ular dengan mengungkapkan *mathal* di atas².

Mathal ini ditujukan kepada orang yang pernah mungkir janji, yang ingin mengulangi perjanjian atau membuat perjanjian baru dengan orang yang pernah dimungkinya.

Walaupun *mathal* di atas dikaitkan dengan cerita dongeng, namun cerita ini telah wujud semenjak zaman Jahiliyah lagi. Terungkapnya *mathal* ini pada zaman itu membuktikan bahawa orang-orang Arab Jahiliyah menggunakan kapak dalam pemburuan mereka.

¹ al-Mayda:niyy, jld.3, hlm.27.

² Ibid, jld.3, hlm.28.

6.1.3 Batu

Batu biasanya digunakan untuk memburu dab. *Mathal* di bawah menunjukkan batu digunakan untuk memburu dan menewaskan dab.

كُلُّ ضَبٍّ عِنْدَهُ مِرْدَأْتُهُ¹

Maksudnya: “Setiap dab itu ada batu lontarannya di sisinya”

Dab biasanya membuat lubangnya di kawasan tanah yang bercampur dengan batu-batu kecil. Jadi dalam memburu dan menangkap dab, pemburu tidak perlu bersusah payah mencari batu lain untuk memukul dab. Hal ini kerana batu yang diperlukan oleh pemburu tersedia di sekitar lubang dab itu.

Penggunaannya: Memberi gambaran mengenai seseorang yang boleh ditumpaskan melalui senjata ataupun ideanya sendiri.

6.1.4 Jerat

Jerat terdiri daripada tali yang berkayu untuk memburu binatang liar seperti yang terdapat pada *mathal*:

نَاوَصَ الْجِرَّةَ ثُمَّ سَأَلَهَا²

Maksudnya:” Ia menggelupur dan kemudiannya diam”.

¹ al-‘Askariyy, jld.2, hlm.157.

² al-Mayda:niyy, jld.3, hlm.383.

Penggunaannya: Menyatakan seseorang yang pada mulanya melawan dan meronta, akhirnya menyerah kalah.

Selain dari itu terdapat *mathal* lain yang berbunyi:

إِخْتَلَطَ الْحَائِلُ بِالتَّائِلِ¹

Maksudnya: “Bercampur aduk antara penjerat dengan pemanah”

Apabila terdapat lebih daripada seorang pemburu, ini akan menjadikan pemburuan itu menghadapi masalah dan membawa kepada berlakunya kecelaruan dan kekeliruan.

Penggunaannya: Menggambarkan sesuatu yang bercelaru dan mengelirukan yang membawa kepada kesukaran dalam membuat sesuatu keputusan.

Terungkapnya *mathal-mathal* di atas menunjukkan bahawa pemburuan menggunakan tali juga merupakan cara biasa dalam pemburuan.

6.1.5 Senjata-senjata Lain Yang digunakan Dalam Memburu:

Selain daripada penggunaan senjata-senjata dan alat perkakas seperti yang disebutkan di atas, terdapat beberapa senjata lain yang digunakan dalam

¹ al-‘Askariyy, jld.1, hlm. 110.

pemburuan. Senjata-senjata seperti, pedang, pisau, tombak dan beberapa senjata lain bukanlah merupakan senjata yang popular dalam pemburuan walaupun ia turut digunakan dalam pemburuan.

6.2 Teknik-teknik Memburu

Ketika membicarakan alat memburu, secara langsung tidak terlepas membicarakan teknik-teknik memburu kerana kedua-duanya saling berkait. Teknik-teknik memburu tanpa menggunakan peralatan memburu ialah menghambat, merangkap (tipu helah), dan jerangkap lubang.

Berikut ini beberapa teknik yang digunakan oleh pemburu dalam menewaskan binatang buruan seperti yang terkandung dalam beberapa *mathal*.

6.2.1 Menghambat

Teknik ini lebih berkaitan dengan keperibadian orang Jahiliyah kerana ia membuka ruang kepadanya bagi mempraktis kepahlawanannya dengan bebas, sekalipun pergaduhan dan perkelahian antara puak tidak melibatkan unsur kepahlawanan memburu, namun ia menjurus ke arah kepahlawanan sebenar melalui praktis ketekunan memburu.¹

¹ Abu: 'Aliyy, hlm.229.

Mengikut apa yang diriwayatkan bahawa asal usul adat ini bukanlah sepenuhnya dari Arab, yang pasti dari Parsi. Ia bertembung dengan Arab Jahiliyah kerana keserasian aktiviti ini dengan jiwa mereka. Sesetengah buku sejarah menyebut bahawa sesetengah raja Parsi menghambat keldai liar untuk dikandangkan. Dengan kejayaan itu mereka mengecopnya dengan tanda mereka dan mencatat tarikh ia ditangkap di atas kulitnya dan kemudian dilepaskannya.¹

Walaupun memburu dengan teknik menghambat pada asalnya menjadi kebiasaan kerabat raja Parsi, tanpa disedari ia sebatu dalam minda pemerintah dengan anggapan ia boleh menangkap sesiapa sahaja kalangan rakyat yang menderhakainya, seperti dia menangkap binatang hambatannya sekalipun sukar dan berada berjauhan.²

Dalam hal ini, Raja-raja Arab mencuba mengikut cara mereka seperti yang disebut dalam kisah *mathal*:³

أَنَّ غَدًا لِنَأْظِرُّهُ قِيَرَبُّ

Mathal ini menghimpun gambaran tentang pengembaraan memburu yang dipraktikkan oleh Nu'ma:n dengan diiringi pasukan berkudanya.

¹ Abu: 'Aliyy. hlm.229.

² Ibid, hlm.229.

³ Rujuk semula cerita berkaitan *mathal* ini di halaman 306.

Hambatan ini kadang-kadang menggunakan perantara kuda dan anjing, kadang-kadang disertai burung helang mengikut keperluan terutama jika melibatkan keldai liar kerana antara mereka seolah-olah wujud permusuhan semula jadi.

Menghambat keldai dan lembu liar dengan perantara kuda dan anjing telah melahirkan berbagai-bagai *mathal* yang tersimpan dalam ingatan orang Arab Jahiliyah . Di antaranya *mathal* yang berbunyi:

إِنَّهُ لَمِشَلٌ عُؤِنٌ¹

Maksudnya: “Sesungguhnya dia sesuai untuk memburu keldai-keldai liar”

Mathal ini memberikan gambaran tentang adanya pakatan ataupun gotong royong antara masyarakat Jahiliyah dalam menghambat dan menangkap keldai-keldai liar.

Mathal ini turut memberikan gambaran tentang terdapatnya orang-orang yang mempunyai dan memiliki sifat-sifat tertentu yang dianggap sesuai untuk dipilih dan dijadikan anggota dalam pakatan tersebut.

Manakala *mathal* di bawah ini pula menggambarkan sejenis hambatan terhadap binatang buruan. Ia menghambat dengan menggunakan bantuan anjing. Hal ini seperti yang terungkap dalam *mathal* yang berbunyi:

¹ al-Mayda:niyy, jld.1, hlm.130.

الْكِلَابَ عَلَى الْبَقَرِ¹

Maksudnya: “(Lepaskan) para anjing ke atas lembu”

Di sini didapati pemburu memulakan hambatannya terhadap binatang buruan yang kemudiannya mengarahkan anjing-anjing perburuannya untuk meneruskan hambatan dan serangan terhadap binatang buruan sehinggalah ia ditewaskan.

Kedua-dua *mathal* di atas berpindah dari penggunaan sebenar kepada bentuk *mathal*, iaitu dari unsur kebinatangan kepada unsur kemanusiaan. *Mathal* pertama dibuat untuk ‘mereka yang layak diberi amanah dengan sesuatu tugas yang besar’. Manakala *mathal* kedua dibuat untuk ‘mengajak antara satu sama lain supaya sentiasa memberi perhatian.

Kedua-dua *mathal* di atas juga memberikan gambaran bahawa pemburuan dengan menggunakan teknik hambatan juga merupakan teknik yang biasa digunakan kalangan para pemburu Arab jahiliyah ddalam menumpaskan binatang buruan.

6.2.2 Menggunakan helah.

Orang Arab Jahiliyah agak teliti dalam memerhati dan memperhalus perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupan binatang buruan yang kebiasaannya akan terhasil suatu tipu helah untuk menumpaskan binatang tersebut setelah dia gagal

¹ al-Mayda:niyy, jld.3, hlm.22.

menggunakan teknik-teknik lain. Contohnya : mereka tahu bahawa burung unta sangat laju berlari, ia berlari mengikut arah angin, lalu mereka menunggu di sebelah arah angin dan mengintai pergerakan burung unta tersebut untuk menyekat jalannya lantaran memudahkan mereka untuk memburu. Mereka juga tahu hasil kajian dan pemerhatian mereka bahawa burung tersebut mempunyai kemampuan deria bau hebat yang tidak memungkinkan mereka mendekatinya dengan mudah kerana ia dapat mengesan bau dari jauh. Namun burung itu kalah dengan warna gelap dan kehitamannya. Justeru mereka memakai pakaian atau kain berwarna hitam ketika berburu sebagai perangkap sehingga menarik minat burung tersebut, dengan itu mereka dapat menangkapnya hidup-hidup¹.

Semua itu menunjukkan tipu helah yang digunakan oleh orang Arab Jahiliyah ketika berburu.

Antara *mathal* yang menunjukkan kepada penggunaan helah oleh para pemburu ialah:

تَلَبَّدِي تَصِيدِي²

Maksudnya: “Meniarap, kamu akan dapat memerangkap”

¹ Abu: ‘Aliyy, hlm.230.

² al-Mayda:niyy, jld.1, hlm. 224.

Dari kandungan *mathal* ini didapati para pemburu meniarap di atas tanah dengan tujuan untuk mengelak daripada dikesan oleh binatang buruan. Justeru mereka akan dapat mendekati binatang atau didekati oleh binatang buruan tanpa disedari oleh mereka. Ini menjadikan usaha menumpaskan binatang buruan itu lebih mudah dan hasilnya lebih terjamin.

Menyediakan diri juga adalah antara helah yang digunakan untuk memerangkap binatang buruan. Ini difahami dari *mathal* di bawah:

السَّوْرُ الصِّيَاحُ لَا يَصْطَادُ شَيْئاً¹

Maksudnya: “Kucing yang kuat mengiau tidak akan mendapat sebarang buruan”.

Hal ini adalah kerana kebisingan yang dilakukan oleh kucing itu akan membuat buruannya mengetahui tentang kehadirannya.

Dari segi penggunaannya pula ia ditujukan kepada mereka yang banyak bercakap dan berteori yang tidak membawa kepada produktiviti.

¹ Si:niyy et al, hlm.57.

Antara tipu helah lain ialah pemilihan masa yang sesuai untuk berburu seperti memburu kijang malam hari kerana ia rabun malam. Antara lain, mereka bersembunyi di suatu tempat, kemudian mereka menerkam buruan yang muncul disitu.

Mathal-mathal yang dikaitkan dengan kebodohan sesetengah binatang buruan dipercayai ada kaitan secara langsung dengan pemburuan menggunakan helah. Hal ini kerana binatang-binatang tersebut telah terpedaya dengan helah yang dibuat oleh pemburu untuk menangkapnya. Justeru binatang-binatang tersebut dianggap bodoh.

6.2.3 Perangkap Lubang

Antara cara lain yang digunakan untuk memburu atau mendapatkan binatang buruan adalah dengan menggali lubang yang dalam, perangkap jenis ini digunakan untuk memerangkap binatang-binatang buas. Ini seperti yang terdapat dalam *mathal*:

بَلَغَ السَّيْلُ الرُّبِّيَّ¹

Maksudnya: “Arus air telahpun sampai ke lubang perangkap”

¹ al-Mayda:niyy, jld.1, hlm.157.

Perkataan الزبى bermaksud lubang yang digali untuk memerangkap binatang-binatang buas. Biasanya lubang jenis ini digali di kawasan tanah tinggi. Manakala arus air mengalir di tempat rendah. Jadi apabila air yang sepatutnya mengalir deras di tempat rendah itu telah pun sampai ke tempat yang tinggi, ini menunjukkan sesuatu yang luar biasa telah berlaku. Ia juga menunjukkan kepada sesuatu yang berlaku itu telah melampaui batasan.

Tujuan atau penggunaan *mathal* ini adalah untuk menggambarkan sesuatu yang terjadi itu telah melebihi kebiasaan ataupun yang sepatutnya.

6.3 Penggunaan Binatang

Selain daripada menggunakan alat dan senjata, perburuan juga dijalankan dengan menggunakan binatang. Mengikut maklumat yang diperoleh hanya dua jenis binatang sahaja yang digunakan oleh orang Arab Jahiliyah dalam pemburuan, iaitu anjing dan burung helang. Binatang ini dilatih terlebih dahulu sehingga dia mahir dan dapat mengikuti segala arahan yang diberikan oleh tuannya. Justeru *mathal* yang berkaitan dengan anjing terlalu banyak. Walau bagaimanapun *mathal* yang berkaitan dengan burung helang agak kurang berbanding dengan anjing.

Segala perilaku dan gelagat binatang perburuan itu diperhatikan oleh pemburu dan juga mereka yang berada di sekelilingnya. Keadaan seumpama ini turut mempengaruhi pengungkapan *mathal* yang berkaitan dengan haiwan ini.

6.3.1 Menggunakan Anjing

Berikut ini beberapa *mathal* yang dikaitkan dengan anjing.

Mathal 1:

كَلْبٌ عَسَّ خَيْرٌ مِنْ أَسَدٍ رَضٍ¹

Maksudnya: “Anjing yang aktif lebih baik daripada singa yang diam”

Hal ini adalah kerana anjing yang aktif dan rajin bergerak itu akan memberikan hasil buruan yang baik berbanding dengan singa yang malas. Walaupun saiz badan dan kekuatan yang dimiliki oleh singa jauh berbeza dengan anjing.

Penggunaannya: Galakan ke arah melipatgandakan usaha dalam meningkatkan produktiviti.

Mathal 2:

غَبَرَ شَهْرَيْنِ ثُمَّ جَاءَ بِكَلْبَيْنِ²

Maksudnya: “Menghilang diri dua bulan, kembali dengan dua ekor anjing buruan”.

¹ al-‘Askariyy, jld.2, hlm.146.

² al-Mayda:niyy, jld.2, hlm.424.

Semasa pemergian pemburu dan ketiadaannya orang berharap dia akan membawa balik binatang buruan. Akan tetapi sayangnya sekembalinya beliau dari perjalanannya itu, tiada sebarang tangkapan yang dibawa balik. Tidak seperti yang diharapkan.

Penggunaannya: Memberi gambaran tentang seseorang yang lambat dalam melakukan pekerjaan dan tidak mempunyai hasil kerja yang memuaskan.

Mathal 3:

مَنْ خَشِيَ الذِّئْبَ أَعَدَّ لَهُ كَلْبًا¹

Maksudnya: “Sesiapa yang takut akan serigala dia menyediakan anjing untuknya”

Seseorang penggembala atau pemburu yang bimbang akan keselamatannya dan juga keselamatan binatang ternakannya akan menyediakan anjing untuk menjaganya daripada segala kemungkinan bahaya yang akan menimpa.

Penggunaannya: Galakan ke arah bersiap sedia di dalam menghadapi sebarang kemungkinan yang menimpa ataupun serangan daripada pihak musuh.

Mathal 4:

لَا يَضُرُّ السَّحَابَ نِبَاحُ الْكِلَابِ²

Maksudnya: “Salakan anjing tidak akan menyakitkan awan”

¹ al-Mayda:niyy, jld.3, hlm. 339.

² Ibid, jld.3, hlm.158.

Apabila seseorang itu menjadi kuat dan berpengaruh ia akan menghadapi tentangan daripada pihak musuhnya yang bertujuan untuk menundukkan dan juga untuk menjatuhkannya. Namun sebarang usaha yang dilakukan oleh pihak lawannya itu tidak akan menjejaskan kedudukannya.

Penggunaannya: Gambaran terhadap seseorang yang mempunyai kedudukan yang kukuh tidak akan terjejas disebabkan oleh berbagai usaha dan tohmahan yang dilakukan oleh pihak lawan. Ini samalah penggunaannya dengan peribahasa Melayu yang berbunyi: Bagaikan anjing menyalak bukit.

Mathal 5:

كُلُّ كَلْبٍ بِبَابِهِ نَبَّاحٌ¹

Maksudnya: “Semua anjing kuat menyalak di depan pintu (tuan)nya”

Mengikut kebiasaannya kesemua anjing akan menyalak kuat apabila berada di depan rumah tuannya. Juga akan menyerang dan mengigit orang yang lalu lalang di situ. Akan tetapi apabila berjauhan daripada rumah tuannya, dia tidak akan menyalak dan tidak garang. Manakala ketika memburu dia tidak akan berusaha menumpaskan mangsa melainkan setelah mendapat perintah daripada tuannya.

Penggunaannya: Gambaran tentang kebolehan atau kekuatan seseorang yang belum teruji dan belum disahkan kehandalannya.

Mathal 6:

¹ al-Mayda:niyy, jld.3, hlm.11.

الكِلَابِ عَلَى الْبَقَرِ¹

Maksudnya: “(Lepaskan) Anjing-anjing ke atas lembu”.

Apabila seseorang pemburu mengarahkan anjing-anjing mereka untuk mengalahkan dan menguasai binatang buruan yang terdiri daripada lembu liar, pemburu seolah-olah mengambil sikap tidak endah terhadap hambatan dan pertarungan yang berlaku antara lembu dengan anjing-anjingnya. Hal ini kerana pertarungan itu biasanya memakan masa yang lama. Dalam tempoh itu pemburu hanya mengambil sikap tunggu dan lihat.

Penggunaannya: Menggambarkan sikap tidak peduli yang diambil oleh sesetengah pihak terhadap pertelagahan yang sedang berlaku antara dua pihak.

Mathal 7:

جَوَّعَ كَلْبِكَ يَتَّبِعَكَ²

Maksudnya: “Laporkan anjing kamu nescaya dia akan mengikuti kamu”.

Sekiranya pemburu atau tuan punya anjing membiarkan anjingnya tanpa makanan dan minuman, anjingnya itu akan mengikuti dan mentaatinya dengan harapan tuannya akan memberi makan kepadanya. Begitulah juga dengan orang jahat, dia

¹ al-Mayda:niyy, jld.3, hlm.22.

² Ibid, jld.1, hlm.294.

akan mengikut perintah seseorang apabila dia percaya yang keperluannya akan dipenuhi.

6.3.2 Menggunakan Helang

Di sini dipaparkan beberapa *mathal* yang boleh memberikan gambaran terhadap penggunaan burung helang dalam aktiviti pemburuan yang dilakukan oleh orang-orang Arab Jahiliyah.

Mathal 1:

كَأَنَّ عَلَى رُؤُوسِهِمُ الطَّيْرُ¹

Maksudnya: “Seolah-olah terdapat burung di atas kepala mereka”

Biasanya burung helang yang digunakan oleh para pemburu akan hinggap atau diletakkan di atas bahu atau atas kepala tuannya. Dengan demikian segala gerak-geri dan juga percakapan akal dikawal. Ini bertujuan untuk menjaga burung tersebut supaya tidak terperanjat dan tidak terbang lari.

Penggunaannya: Menggambarkan suatu keadaan yang tenang dan tenteram.

Mathal 2:

لَا يَفْرَعُ الْبَازِي مِنْ صِيَاحِ الْكُرْكِيِّ²

¹ al-Mayda:niyy, jld.3, hlm.29.

² Si:niyy et al, hlm.7.

Maksudnya: “Helang tidak takut kepada jeritan karki (sejenis burung kecil)”

Sememangnya mana-mana burung kecil tidak akan mampu menakutkan burung-burung jenis besar terutama sekali helang. Apa yang berlaku adalah sebaliknya, iaitu pada keseluruhannya burung-burung takutkan kepada burung helang.

Penggunaannya: Menggambarkan tentang seseorang yang mempunyai kedudukan tidak akan takut terhadap ugutan dan gertakan oleh pihak yang mempunyai kedudukan yang lebih rendah daripadanya.

Mathal 3:

أَبْصَرُ مِنْ نَسْرٍ¹

Maksudnya: “Lebih peka daripada helang” dan boleh juga bermaksud “lebih tajam penglihatan daripada helang”.

Kepekaan penglihatan merupakan keistimewaan yang dimiliki oleh burung ini. Dengan penglihatan yang kuat yang dimilikinya menjadikan pemburuan lebih berkesan dan menjanjikan hasil tangkapan yang lebih lumaian.

Penggunaannya: Digunakan untuk menggambarkan seseorang yang memiliki penglihatan yang tajam dan juga mereka yang memiliki pandangan yang baik. Hal

¹ al-‘Askariyy, Juz. 1 , hlm.239.

ini adalah kerana perkataan بصير melebihi dan melampaui penglihatan mata, bahkan termasuk penglihatan hati dan akal.

Mathal 4:

إِنَّ الْبُغَاثَ بِأَرْضِنَا يَسْتَنْسِرُ¹

Maksudnya: “Sesungguhnya burung bughath di bumi kita menjadi helang”

Penggunaannya: Menyatakan keamanan dan kemakmuran yang dinikmati oleh sesebuah negara. Nikmat yang melimpah ruah yang terdapat di negara itu membawa kepada perubahan kedudukan sosial seseorang daripada suatu keadaan yang lemah kepada suatu keadaan yang lebih mewah dan lebih berkuasa.

Mathal 5:

إِذَا لَمْ يَنْفَعَكَ الْبَازِي فَانْتِفِ رِيشَهُ²

Maksudnya: “Sekiranya burung *ba:z* itu tidak memberi manfaat kepada kamu lagi, maka cabutlah bulunya”.

Ba:z adalah sejenis helang yang digunakan oleh orang-orang Arab dalam pemburuan. Pemeliharaan binatang ini memerlukan kos dan penjagaan. Jadi

¹ al-‘Askariyy, jld.1, hlm.197.

² Si:niyy et al, hlm.112.

sejauh mana ia mampu untuk berkhidmat kepada tuannya dalam membantunya mendapatkan hasil buruan, maka selama itulah burung ini dikira berfaedah kepada tuannya. Apa bila perkara sebaliknya berlaku kepada helang ini ia dianggap tidak berguna lagi. Apa bila kewujudannya tidak bererti lagi ia perlulah dihapuskan.

Penggunaannya: Gesaan ke arah membebaskan diri daripada sesuatu yang tidak mendatangkan faedah.

Daripada apa yang dipaparkan di atas ternyata sekali bahawa anjing dan burung helang mendapat tempat dalam *mathal*. Dengan menggunakan kedua-dua jenis binatang ini orang Arab mengungkapkan beberapa *mathal* yang mempunyai beberapa tujuan yang berlainan. Apa yang mendorong mereka mengungkapkan *mathal-mathal* tersebut ialah hubungan dan interaksi mereka dengan binatang-binatang tersebut ketika aktiviti pemburuan dijalankan. Selain dari itu pemerhatian serta kefahaman mereka terhadap gelagat binatang-binatang tersebut turut mempengaruhi mereka dalam pengungkapan *mathal*.

6.4 Kesimpulan

Daripada apa yang dibentangkan di atas didapati senjata paling popular yang digunakan oleh orang-orang Arab dalam aktiviti pemburuan ialah panah. Banyak sekali *mathal* yang berkaitan dengan panah diungkapkan. Hal ini adalah bersesuaian dengan keistimewaan yang ada pada senjata ini untuk menepati

sasaran yang jauh. Manakala senjata-senjata jenis lain tidaklah begitu popular dan penggunaannya amat terbatas kerana terbatasnya fungsi senjata-senjata tersebut. Dari segi penggunaan binatang perburuan pula, ia hanya terbatas kepada penggunaan anjing dan helang sahaja. Hal ini adalah kerana kelebihan yang dimiliki oleh dua jenis binatang ini. Selain daripada penggunaan senjata dan binatang, penggunaan helah dan teknik tertentu juga diamalkan bagi menumpaskan buruan-buruan tertentu. Semua keadaan itu mempengaruhi pengungkapan *mathal-mathal* yang berkaitan.